JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

## STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 26/2020

**RUJUKAN : 17 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020

www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my



## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Keberhasilan menangani wabak berbahaya memerlukan ketangkasan dan komitmen yang tinggi. Kaedah pengawalan jangkitan, pengesanan awal, keupayaan rawatan dan infrastuktur kesihatan merupakan antara faktor utama yang mendorong kejayaan dalam usaha membasmi penularan jangkitan. Di Malaysia, menerusi langkah kawalan yang diperkukuhkan dari semasa ke semasa serta tindakan proaktif kerajaan dalam menyediakan infrastruktur makmal membolehkan kawalan membendung jangkitan COVID-19 serta tindakan pencegahan diurus tadbir dengan berkesan. Proses saringan awal dan prosedur rawatan yang efisien telah menyumbang kepada peningkatan kadar kes sembuh yang tinggi. Penyediaan profil merupakan elemen utama dalam memahami gelagat wabak dan kecenderungan jangkitan agar ia boleh ditangani di peringkat awal tanpa melibatkan angka korban yang tinggi. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan **golongan warga emas merupakan kumpulan berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi** dan ia selaras dengan penemuan di peringkat global yang dihadapi oleh negara-negara terjejas. Berdasarkan analisis terhadap 4,683 kes positif mengikut kumpulan umur, profil jangkitan di Malaysia menunjukkan **kes tertinggi adalah dari kumpulan umur 20-29 (1,021 kes) dan 832 kes bagi kumpulan umur 55-64**. Pemadanan statistik ini kepada jumlah populasi mengikut kategori umur, dapat dirumuskan bahawa **kadar insiden jangkitan positif bagi 100,000 populas**i dalam negara adalah **yang tertinggi bagi kumpulan umur 55-64**. Selain itu, terdapat 166 kes melibatkan kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah manakala bagi kumpulan umur 65 tahun ke atas telah mencatatkan sebanyak 467 kes positif.

Kementerian Kesihatan Malaysia pada 17 April 2020 menyatakan **kumulatif kes sembuh meningkat kepada 2,967** berbanding **kes aktif 2,198 kes**, dipengaruhi oleh corak peningkatan kes sembuh harian yang dilihat melepasi angka kes positif baharu sejak 13 April 2020 yang lalu. Sementara itu, sebanyak **69 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,251 kes. Kawasan Lembah Klang kekal mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 45.0 peratus**, Zon Selatan (22.3 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.4 peratus), Zon Pantai Timur (10.0 peratus) dan Zon Utara dengan 9.2 peratus. Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di WP Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 19 kes** disusuli Negeri Sembilan (13 kes), Sarawak (10 kes) sementara Selangor dan Johor masing-masing sebanyak 9 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi lima buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Pada masa yang sama, sejumlah **86 kes kematian** telah direkodkan sehingga kini menerusi **pertambahan 2 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

**kumulatif jangkitan COVID-19** di seluruh dunia meningkat kepada **2,160,239 kes** dengan **jumlah kematian 145,595 kes. Amerika Syarikat kekal mendominasi** bilangan kes positif **sebanyak 671,425,** meningkat 34,066 kes disusuli Sepanyol dengan jumlah 184,948 kes dan Itali sebanyak 168,941 kes. Sementara itu, **kematian tertinggi** juga direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 33,286 kes,** diikuti Itali yang mencatatkan 22,170 kes, Sepanyol (19,315 kes) dan Perancis (17,941 kes). Statistik bagi **kadar kematian didominasi oleh Belgium** dengan 13.95 peratus, United Kingdom (13.21 peratus) dan Itali (13.12 peratus). Kadar kematian peringkat global terus meningkat kepada 6.74 peratus manakala kes sembuh merekodkan 550,197 kes (25.47 peratus) seperti pada jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak gelombang penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Research memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **GLOBAL: Rusia dan Arab Saudi bersedia untuk mengambil tindakan di pasaran minyak sekiranya perlu**. Rusia dan Arab Saudi komited dalam perjanjian pengurangan pengeluaran minyak global. **OPEC dan OPEC + telah bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran minyak sebanyak 9.7 juta tong sehari pada Mei dan Jun 2020**. (Reuters)
>
> **AS**: **Prestasi pembinaan kediaman mula merosot** apabila mencatatkan kejatuhan dua digit, **-22.3 peratus pada bulan Mac 2020**. Kelembapan ini menyebabkan terdapat 1.22 juta pembinaan kediaman baharu pada bulan Mac berbanding 1.56 juta pada bulan Februari 2020. Ahli ekonomi menjangkakan pembinaan kediaman baharu turun ke tahap 1.3 juta dari yang dilaporkan pada bulan sebelumnya. Selain itu, **permit pembinaan turut mengalami kejatuhan -6.8 peratus** kepada 1.35 juta pada bulan Mac dari 1.45 juta yang direkodkan pada bulan sebelumnya. (RTT)
>
> **AS**: **Tuntutan faedah pengangguran mingguan menurun tetapi kekal pada paras yang tinggi**. Tuntutan faedah pengangguran awalan minggu lepas turun kepada **5.24 juta, iaitu penurunan 1.37 juta tuntutan** daripada 6.61 juta tuntutan pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, penurunan ini lebih tinggi berbanding penurunan kepada 5.1 juta yang diramalkan ahli ekonomi. Secara keseluruhan, lebih daripada 22 juta orang telah memfailkan tuntutan faedah pengangguran sejak bermulanya sekatan pergerakan yang disebabkan oleh krisis COVID-19 di negara tersebut. (RTT)
>
> **EU**: Menurut presiden ECB Lagarde, **skala kemelesetan di zon Eropah adalah sukar untuk diramalkan**. Ini kerana data terkini menunjukkan kehilangan keyakinan dan dinamis perniagaan secara mendadak di blok ekonomi itu. Zon Eropah menuju "penguncupan output yang besar" dan "pasaran buruh yang menyusut" kerana pandemik COVID-19. **IMF meramalkan bahawa ekonomi zon eropah akan menyusut sebanyak -7.5 peratus tahun ini**, kemelesetan terdalam yang pernah dialami oleh blok

tersebut. Pemulihan dijangka pada tahun hadapan dengan kadar pertumbuhan 4.7 peratus. (Financial Times)

**EU**: **Pengeluaran perindustrian zon Eropah turun marginal**. Pengeluaran industri zon Eropah menurun sedikit pada bulan Februari, menjelang langkah pencegahan COVID-19 mulai diperkenalkan secara meluas di antara negara-negara anggota. Pengeluaran industri turun kurang daripada yang dijangkakan **-0.1 peratus (*MoM*) pada bulan Februari**, berbanding kenaikan 2.3 peratus pada bulan Januari. Pengeluaran barang modal dan barang pengguna tahan lama masing-masing menurun -1.5 peratus dan -2 peratus. Sementara itu, barang perantaraan dan barang pengguna tidak tahan lama masing-masing meningkat 0.4 peratus. Output tenaga pulih pada bulan Februari, meningkat 0.7 peratus. **Pada asas perbandingan tahun ke tahun, pengeluaran perindustrian menurun pada kadar yang lebih pantas -1.9 peratus** setelah berkurang -1.7 peratus pada bulan Januari. (RTT)

**EU**: **Kadar inflasi Jerman perlahan seperti yang dianggarkan**. Inflasi Jerman perlahan ke paras terendah dalam tempoh empat bulan seperti yang dianggarkan pada bulan Mac. **IHP meningkat 1.4 peratus** (tahun ke tahun) setelah kenaikan 1.7 peratus pada dua bulan sebelumnya. Kadar ini sejajar dengan anggaran awal yang dikeluarkan pada 30 Mac. Kadar inflasi tersebut adalah yang terendah sejak November tahun lalu yang mencapai 1.1 peratus. Ia didorong sebahagian besarnya oleh penurunan harga tenaga -0.9 peratus dan penurunan pakej pelancongan sebanyak -3.4 peratus. Sementara itu, harga makanan meningkat 3.7 peratus. (RTT)

**China**: **Harga kediaman meningkat pada bulan Mac 2020**. Harga kediaman China meningkat pada bulan Mac 2020 didorong oleh permintaan yang tinggi selepas sekatan pergerakan. Pada bulan Mac, **harga kediaman meningkat di 38 buah bandar daripada 70 buah bandar** yang disurvei oleh Biro Statistik Nasional. Harga rumah meningkat sekitar 1 peratus pada bulan Mac setelah kekal pada bulan Februari. Harga kediaman kekal tidak berubah pada bulan Mac di Beijing dan naik 0.1 peratus di Shanghai. Shenzhen melaporkan kenaikan 0.5 peratus manakala harga kediaman turun -0.5 peratus di Guangzhou. Data menunjukkan bahawa harga rumah tidak berubah di Wuhan, pusat pandemik wabak COVID-19. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Syarikat penerbangan tambang murah Malaysia** akan membuat penyambungan semula operasi melibatkan penerbangan domestik bermula **29 April 2020** jika diberi kebenaran oleh Kerajaan.

2. **Fasa keempat aktiviti pelepasan kargo** akan bermula pada 20 hingga 23 April ini bagi memastikan **aktiviti di pelabuhan utama** negara lancar dan ruang kapasiti berada dalam keadaan sewajarnya. Pelabuhan utama terlibat adalah **pelabuhan Klang**, **Johor, Pulau Pinang, Kuantan, Melaka, Bintulu dan Padang Besar.**

3. **KKM akan membeli kit ujian pantas** atau **'rapid test kit'** yang diimport dari **Korea Selatan secara pukal**. Sampel Covid-19 kini tidak lagi perlu dihantar ke 43 makmal ujian saringan yang digunakan KKM. **Pengujian** boleh dilakukan di tempat **pengambilan, di klinik ataupun hospital.**

4. **Pasaran sukuk** memainkan peranan penting dalam **menyediakan modal untuk projek infrastruktur** termasuk perkongsian **awam dan swasta.**

5. Sebelum pandemik COVID-19, **Top Glove** menyalurkan pengeluaran ke negara China, Hong Kong, Singapura dan Korea Selatan, namun kini telah **mula mengeksport ke negara eropah dan Amerika Syarikat** atas permintaan yang sangat tinggi.

6. Malaysia menduduki **tangga ke-26 daripada 88** negara dalam **Indeks Daya Saing Bakat Global 2020 (GTCI 2020)**, meningkat dua tangga dari kedudukan ke-28 tahun lepas. Malaysia mencatatkan **skor yang tinggi** bagi pembangunan bakat dalam tonggak **Kebolehan, Tarikan, serta Kemahiran Vokasional dan Teknikal Malaysia** mengatasi negara-negara seperti China, Korea Selatan, Sepanyol dan Portugal.

7. **Kolaborasi bantu golongan petani dan nelayan** menjual dalam talian melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersama **Shopee**. Kerjasama ini melalui kedai rasmi Agrobazaar_FAMA dan NEKMAT di platform e-dagang **untuk membolehkan pengedaran dan penjualan hasil segar atas talian.**

8. ***eSports*** telah menarik perhatian **peminat sukan dan pemain** di seluruh dunia kerana pertandingan sukan secara langsung dibatalkan berikutan pandemik coronavirus dan didapati **peningkatan dua hingga tiga kali jumlah penonton** pada suku pertama 2020.

9. Harga bahan api **Diesel turun RM0.30** dari RM1.46 kepada RM1.43. Manakala **RON95 dan RON97 kekal** pada harga RM1.25 dan RM1.55 bermula 18 April hingga 24 April 2020.

10. **Bank Negara Malaysia (BNM)** meramalkan **kenaikan kadar pengangguran kepada 4.0 peratus tahun ini,** berbanding 3.3 peratus pada 2019. Kajian Khas Kesan COVID-19 Terhadap Individu dan Ekonomi diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 9 April mendapati **168,182 responden mengakui kehilangan pekerjaan kesan wabak itu.**

11. Sehingga 15 April 2020, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menerima hampir **130,000 permohonan yang melibatkan 1.07 juta pekerja bagi skim subsidi gaji**. Pekerja tempatan yang memperoleh gaji bulanan RM4,000 atau kurang, layak untuk memohon skim subsidi gaji dan status permohonan oleh majikan bagi program Subsidi Upah akan diumumkan melalui rakaman video secara mingguan.

12. Kerajaan Negeri Sarawak memperuntukkan **RM1.5 juta membeli hasil pertanian daripada petani melalui FAMA dan Pertubuhan Peladang Sarawak** dengan mengumpulkan dan memasarkan hasil pertanian bagi memastikan bekalan makanan berterusan dalam tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerajaan negeri turut **memperuntukkan sebanyak RM600,000** kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk membeli hasil tangkapan daripada nelayan.

13. LKIM akan menjual ikan **dalam talian melalui permohonan Shopee** dan pengguna tidak lagi perlu pergi ke pasar untuk mendapatkan bekalan mereka. Terdapat **bekalan ikan yang mencukupi semasa PKP dengan 185,000 tan metrik stok ada dalam pasaran kini** dibandingkan dengan **keperluan bulanan sebanyak 155,000 tan metrik.**

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Times** | **Economists: Allowing more sectors to operate a strategic move**<br><br>The decision to allow additional economic sectors to operate during the Movement Control Order (MCO) period is another positive step and strategic.<br><br>The sectors include automotive, machinery, aerospace, construction and services related to construction work, science, professional and technical services, social health services, hardware shops, electrical and electronics and laundry services.<br><br>The sectors were crucial to sustain the export-oriented segment of the economy to contribute to the country's revenue and growth, as well as provide important services to the public during the extended MCO period. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/585138/economists-allowing-more-sectors-operate-strategic-move |
| 2. | **The Star** | **Car makers try out new ways to push sales**<br><br>The ongoing Covid-19 pandemic is forcing local automotive firms to revise their marketing strategies, with some either postponing their new model launches or resorting to unique methods to push sales and remain sustainable during this challenging environment. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/17/car-makers-try-out-new-ways-to-push-sales |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | The ongoing Covid-19 pandemic is forcing local automotive firms to revise their marketing strategies, with some either postponing their new model launches or resorting to unique methods to push sales and remain sustainable during this challenging environment. | |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Keputusan Kerajaan untuk membenarkan beberapa sektor tambahan beroperasi adalah langkah positif dan strategik bagi meneruskan kelangsungan ekonomi, terutamanya bagi sektor yang berorientasikan eksport untuk menyumbang pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelanjutan PKP fasa 3 akan memberi impak kepada ekonomi negara. Keputusan Kerajaan mengambil inisiatif membenarkan sektor-sektor penting beroperasi bagi meneruskan rantaian aktiviti ekonomi adalah untuk membantu pemulihan ekonomi secara berperingkat. Rantaian industri memerlukan pengeluaran bahan mentah serta penjualan produk dan perkhidmatan kepada ekonomi. Kesan pemulihan dijangka dapat diukur daripada indikator ekonomi yang akan diterbitkan dari masa ke semasa.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **New Straits Times** | **Aviation, O&G and trading and services under stress**<br><br>Default rates in Malaysia's corporate bond market have declined significantly to below one per cent up to last year, since the Asian Financial Crisis. It currently represents about 8.0 per cent of the total corporate bond issuances. | https://www.nst.com.my/business/2020/04/584950/aviation-og-and-trading-and-services-under-stress |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Sun Daily** | **With business suspended due to the MCO, companies will have trouble paying salaries**<br><br>Malaysians are at risk of losing their jobs if MCO continues for an extended period. With business suspended and thus without income, companies will have trouble paying salaries. | https://www.thesundaily.my/local/with-business-suspended-due-to-the-mco-companies-will-have-trouble-paying-salaries-says-mef-chief-IB2267930 |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 3. | **The Star** | **AirAsia set to resume flights by April 29**<br><br>Low-cost carrier Airasia Group Bhd is set to resume local flights in Malaysia on April 29, subject to the authorities' approval. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/17/airasia-set-to-resume-flights-by-april-29#.Xpl9-YLDVTI |
| | **C. Subsektor Kesihatan Swasta** | | |
| 4. | **The Edge Malaysia** | **IHH allocates 200 beds across M'sia to treat non-COVID-19 patients from public hospitals**<br><br>IHH Healthcare Bhd has allocated 200 beds across its network of 15 Pantai and Gleneagles Hospitals in Malaysia to treat non-COVID19 patients decanted from public hospitals. It will help ease the burden on the public healthcare system and enable the health ministry to focus on treating COVID-19 cases.<br><br>IHH also has loaned 20 ventilators to public hospitals for the treatment of patients in intensive care units (ICUs). | https://www.theedgemarkets.com/article/ihh%C2%A0allocates-200-beds-across-malaysia-treat-nonCOVID19-patients-public-hospitals |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pantai Premier Pathology has also been supporting the MoH's drive to increase testing capacity for suspected COVID-19 cases | |

Penemuan penting & isu:

1. Wabak pandemik COVID-19 telah menyebabkan pasaran bon korporat bagi sektor penerbangan, minyak & gas dan perkhidmatan mengalami tekanan yang ketara.
2. Syarikat penerbangan tambang murah Malaysia akan membuat penyambungan semula operasi melibatkan penerbangan domestik bermula 29 April 2020 jika diberi kebenaran oleh Kerajaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Sekiranya Kerajaan membenarkan penerbangan domestik disambung semula, ia sedikit sebanyak dapat membantu industri pengangkutan udara di Malaysia. Pada tahun 2017, industri pengangkutan udara menyumbang sebanyak 20.5% kepada keseluruhan Sektor Pengangkutan & Penyimpanan.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Fourth phase of port cargo release starts April 20**<br><br>The fourth phase of the port clearing exercise will be held April 20-23 to ensure the smooth running of the country's major ports and the space capacity are at an optimum level, said Transport Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.<br><br>The cargo release is vital to ensure uninterrupted supply of necessities to the people during the third phase of the Movement Control Order period, from April 15-28, he said in a statement today. | https://www.bernama.com/en/news.php?id=1832988 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | "The ministry will continue to monitor movements at the country's major ports, and would make the decision to release the cargoes as and when it is necessary, according to the latest developments," Wee said.<br><br>The previous port clearing exercises were carried out on March 27-29, April 4-7 and April 13-15. | |
| 2. | **Berita Harian** | **Kit ujian pantas COVID-19 dibeli secara pukal**<br><br>Pembelian kit ujian pantas atau 'rapid test kit' yang diimport dari Korea Selatan akan dibawa masuk secara pukal.<br><br>Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata harga setiap kit ujian yang menunjukkan kadar keberkesanan memuaskan itu ketika ini adalah kurang daripada RM50.<br><br>Bagaimanapun, katanya, harga kit berkenaan berupaya dikurangkan sekiranya Malaysia membeli secara pukal. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678353/kit-ujian-pantas-covid-19-dibeli-secara-pukal |
| 3. | **Market Access Map, International Trade Centre (ITC)** | **COVID-19 Temporary Trade Measures**<br><br>Daily update of COVID-19 trade measures: | https://macmap.org/en/covid19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | India lifts the export ban on certain pharmaceutical products. | |

Penemuan penting & isu:

1. Fasa keempat aktiviti pelepasan kargo akan bermula pada 20 hingga 23 April ini bagi memastikan aktiviti di pelabuhan utama negara lancar dan ruang kapasiti berada dalam keadaan sewajarnya. Pelabuhan utama terlibat adalah pelabuhan Klang, Johor, Pulau Pinang, Kuantan, Melaka, Bintulu dan Padang Besar.
2. KKM akan membeli kit ujian pantas atau '*rapid test kit*' yang diimport dari Korea Selatan secara pukal. Sampel Covid-19 kini tidak lagi perlu dihantar ke 43 makmal ujian saringan yang digunakan KKM. Pengujian boleh dilakukan di tempat pengambilan, di klinik ataupun hospital.
3. India menarik balik larangan eksport produk farmasi tertentu.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **SRI sukuk plays vital roles in funding renewable energy projects**<br><br>Sustainable and Responsible Investment (SRI) Sukuk could play a pivotal role in allocating funds towards renewable energy projects, especially with Malaysia aspiring to achieve a 20 per cent renewable energy mix by 2025. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1832570 |
| 2. | **The Malaysian Reserve** | **Lower earnings for WCT as construction, property revenues set to dip**<br><br>WCT Holdings Bhd's earnings are likely to dip in the near term on fewer new construction orders and marginal | https://themalaysianreserve.com/2020/04/17/lower-earnings-for-wct-as-construction-property-revenues-set-to-dip/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | contribution from its property investment segment. | |
| 3. | **Nikkei Asian Review** | **Top Glove stretches to meet demand as virus grips the world**<br><br>Top Glove's 44 factories and 18,000 employees are working around the clock to try to meet a massive upsurge in demand amid the spiraling health crisis, in which gloves are a vital barrier against coronavirus transmission. | https://asia.nikkei.com/Business/Company-in-focus/Top-Glove-stretches-to-meet-demand-as-virus-grips-the-world |

Penemuan penting & isu:

1. Pasaran sukuk memainkan peranan penting dalam menyediakan modal untuk projek infrastruktur termasuk perkongsian awam dan swasta.
2. AllianceDBS Research menjangkakan pesanan baru WCT Holdings Bhd yang lebih rendah masing-masing berjumlah RM300 juta dan RM1.5 bilion untuk TK20 dan TK21 berbanding RM1.5 bilion dan RM1.6 bilion yang diunjur sebelumnya.
3. Sebelum pandemik COVID-19, Top Glove menyalurkan pengeluaran ke negara China, Hong Kong, Singapura dan Korea Selatan, namun kini telah mula mengeksport ke negara eropah dan Amerika Syarikat atas permintaan yang sangat tinggi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Tenaga boleh baharu dalam pelbagai bentuk menawarkan kos yang kompetitif dalam penjanaan kuasa elektrik yang bersih dan efektif.
2. Pemantauan projek dan pertubuhan yang terkesan dengan pandemik dalam survei jangka pendek dan sederhana.
3. Semakan harga dan pengeluaran bahan binaan dalam survei bulanan.
4. Bahagian akan meneliti senarai pertubuhan utama pembuatan sarung tangan getah bagi sektor pembuatan di Malaysia dan memantau progres pertubuhan BBU dalam survei yang diliputi.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Covid-19: eSports pull in more viewers as coronavirus halts live sports matches**<br><br>Sports fans and players across the world frustrated by cancelled matches because of the coronavirus epidemic are | https://www.thestar.com.my/tech/tech-news/2020/04/17/covid-19-esports-pull-in-more-viewers-as-coronavirus-halts-live-sports-matches |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | turning to eSports, with professional real-world athletes joining virtual game tournaments of football, auto racing and basketball. The maker of battle-royale sensation *Apex Legends* saw an increase of two to three times its normal viewership in the first quarter of 2020. eSports tournaments are largely available on game streaming platforms like Twitch, YouTube Gaming, Facebook Gaming and Mixer and are also broadcasted on TV channels including ESPN and Fox Sports. | |
| 2. | **Berita Harian** | **Harga minyak rendah: Malaysia potensi hilang pendapatan RM300 bilion dalam 10 tahun – IDEAS**<br><br>Malaysia dijangka kehilangan pendapatan fiskal lebih RM300 bilion dalam tempoh 10 tahun jika harga minyak mentah kekal rendah. Situasi ini disebabkan industri minyak berdepan dengan krisis yang belum pernah berlaku dan memberi kesan di seluruh negara serta rantaian bekalan.<br><br>Dari segi purata dan setiap tahun, Malaysia dijangka kehilangan AS$1.7 bilion (RM7.4 bilion) dalam pelaburan modal baharu dan pengurangan pendapatan fiskal dari minyak dan gas sebanyak AS$ 7.1 bilion (RM30.9 bilion). Sekitar 57% daripada keseluruhan permintaan minyak adalah | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/678161/harga-minyak-rendah-malaysia-potensi-hilang-pendapatan-rm300-bilion |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | untuk kegunaan pengangkutan dan arahan PKP telah menjejaskan sektor minyak dengan teruk. | |
| 3. | **Harian Metro** | **Pasaran modal domestik kukuh**<br><br>Pasaran modal domestik dijangka kekal berdaya tahan dan teratur meskipun berdepan persekitaran mencabar susulan impak kejutan ekonomi dicetuskan penularan Covid-19.<br><br>Ia akan terus disokong oleh kecairan domestik yang kukuh, infrastruktur pasaran modal yang mantap dan limpahan daripada pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi oleh kerajaan meskipun di tengah-tengah pengaliran keluar modal asing. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/04/567577/pasaran-modal-domestik-kukuh |
| 4. | **The Edge** | **AmInvest expects Bursa 1Q earnings to be good, tells clients to buy the stock**<br><br>Bursa Malaysia Bhd earnings for the first quarter of 2020 is expected to come in strongly at RM67 million on the back of higher securities and derivatives trading revenue.<br><br>The higher volatility in the near term will be a boon to the trading revenue of its securities and derivatives market. On the securities market, daily average trading value (DATV) (on OMT basis) for equities rose to RM2.5 billion in 1Q20, compared with RM1.8 billion in | https://www.theedgemarkets.com/article/aminvestment-bank-upgrades-bursa-malaysia-buy-anticipated-higher-1q-earnings |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 4Q19 and RM2.1 billion in 1Q19, and the market velocity jumped to 39% in 1Q20, from 4Q19's 26% and 1Q19's 29%. | |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: *eSports* telah menarik perhatian peminat sukan dan pemain di seluruh dunia kerana pertandingan sukan secara langsung dibatalkan berikutan pandemik coronavirus dan didapati peningkatan dua hingga tiga kali jumlah penonton biasa pada suku pertama 2020.
2. Akhbar 2: Malaysia dijangka kehilangan pendapatan fiskal lebih RM300 bilion dalam tempoh 10 tahun jika harga minyak mentah kekal rendah. Sekitar 57% daripada keseluruhan permintaan minyak adalah untuk kegunaan pengangkutan dan arahan PKP telah menjejaskan sektor minyak dengan teruk.
3. Akhbar 3: Pasaran modal domestik dijangka kekal kukuh dengan sokongan oleh kecairan domestik yang kukuh, infrastruktur pasaran modal yang mantap dan limpahan daripada pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi oleh kerajaan.
4. Akhbar 4: Pendapatan perdagangan derivatif dan sekuriti Bursa Malaysia dijangka tinggi pada sekitar RM67 juta bagi suku pertama 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1: Peningkatan dua hingga tiga kali jumlah penonton *eSports* pada suku pertama 2020 akan memberikan impak kepada Akaun Perkhidmatan melalui komponen Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi. Pada tahun 2019, perkhidmatan ini telah merekodkan nilai eksport sebanyak RM2.4 bilion manakala import ialah RM3.3 bilion.
2. Akhbar 2: Kehilangan pendapatan fiskal akibat daripada harga minyak mentah yang kekal rendah bakal mempengaruhi penyusunan statistik Imbangan Pembayaran dan komponen Akaun Kewangan di mana pelaburan modal dijangka akan menurun dan seterusnya menjejaskan prestasi akaun kewangan.
3. Akhbar 3: Prestasi pasaran modal domestik yang kukuh akan terus menarik pelaburan asing dan seterusnya mengurangkan impak ekonomi wabak COVID-19 terhadap Akaun Kewangan. Pada tahun 2019, Akaun Kewangan telah merekodkan aliran keluar bersih berjumlah RM34.3 bilion.
4. Akhbar 4: Pendapatan perdagangan derivatif dan sekuriti yang dijangka berjumlah pada sekitar RM67 juta bagi suku pertama 2020 akan mempengaruhi penyusunan statistik Akaun Kewangan dalam komponen Pelaburan Portfolio dan Instrumen Hutang. Pelaburan Portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM37.7 bilion pada tahun 2019.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **Ranking Malaysia naik ke tangga 26 dalam Indeks Daya Saing Bakat Global 2020**<br><br>Malaysia menduduki tangga ke-26 daripada 88 negara dalam Indeks Daya Saing Bakat Global 2020 (GTCI 2020), meningkat dua tangga dari kedudukan ke-28 tahun lepas.<br><br>Pengiktirafan yang baru diraih Malaysia bagi pembangunan bakat itu telah mendominasi beberapa kategori. Malaysia mencatatkan skor yang tinggi dalam tonggak Kebolehan, Tarikan, serta Kemahiran Vokasional dan Teknikal<br><br>Malaysia merupakan satu-satunya negara daripada kumpulan negara berpendapatan pertengahan atas yang berada di kuartil teratas laporan itu, mengatasi negara-negara ekonomi berpendapatan tinggi dalam senarai itu seperti China, Korea Selatan, Sepanyol dan Portugal. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1832850 |
| 2. | **Sinar Harian** | **Kolaboratif bantu petani, nelayan jual hasil dalam talian**<br><br>Golongan petani dan nelayan bakal mendapat galakan daripada penjualan dalam talian melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), | https://www.sinarharian.com.my/article/79334/BISNES/Kolaboratif-bantu-petani-nelayan-jual-hasil-dalam-talian?utm_source=izooto&utm_medium=push_notifications&utm_campaign= |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersama Shopee.<br><br>Menurut FAMA, LKIM, NEKMAT dan Shopee bekerjasama secara eksklusif untuk melancarkan kedai rasmi Agrobazaar_FAMA dan NEKMAT di platform e-dagang itu untuk membolehkan hasil segar serta makanan laut dihantar terus kepada rakyat.<br><br>Di kedai FAMA, pengguna dapat membeli pelbagai hasil pertanian seperti ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan manakala kedai NEKMAT pula menawarkan makanan laut segar beku dan produk yang diproses termasuk makanan ringan. | Kolaboratif%20bantu%20petani%20nelayan%20jual%20hasil%20dalam%20talian&utm_content=&utm_term= |
| 3. | **Berita Harian** | **Tan Sri Abdul Wahid dilantik Pengerusi Bursa Malaysia**<br><br>Bursa Malaysia Bhd mengumumkan perlantikan Tan Sri Abdul Wahid Omar sebagai pengerusi bukan eksekutifnya berkuatkuasa 1 Mei 2020, menggantikan Datuk Shireen Ann Zaharah Muhiudeen.<br><br>Bursa Malaysia berkata Abdul Wahid mempunyai pengalaman korporat yang luas, memimpin organisasi utama dalam bidang pembangunan infrastruktur, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan pengurusan pelaburan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/678335/tan-sri-abdul-wahid-dilantik-pengerusi-bursa-malaysia |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia menduduki tangga ke-26 daripada 88 negara dalam Indeks Daya Saing Bakat Global 2020 (GTCI 2020), meningkat dua tangga dari kedudukan ke-28 tahun lepas. Malaysia mencatatkan skor yang tinggi bagi pembangunan bakat dalam tonggak Kebolehan, Tarikan, serta Kemahiran Vokasional dan Teknikal Malaysia mengatasi negara-negara ekonomi berpendapatan tinggi dalam senarai itu seperti China, Korea Selatan, Sepanyol dan Portugal.
2. Kolaborasi bantu golongan petani dan nelayan menjual dalam talian melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersama Shopee. Kerjasama ini melalui kedai rasmi Agrobazaar_FAMA dan NEKMAT di platform e-dagang untuk membolehkan pengedaran dan penjualan hasil segar atas talian.
3. Bursa Malaysia Bhd melantik Tan Sri Abdul Wahid Omar sebagai pengerusi bukan eksekutifnya berkuatkuasa 1 Mei 2020. Perlantikan beliau berdasarkan pengalaman korporat yang luas dengan menerajui pelbagai bidang organisasi utama antaranya infrastruktur, telekomunikasi, perkhidmatan kewangan dan pengurusan pelaburan. Justeru, dengan kepimpinan beliau Bursa Malaysia akan terus berkembang secara dinamik dan kompetitif di peringkat global.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penjualan produk atas talian bagi membantu petani dan nelayan memperoleh pendapatan diambil bagi memastikan kelangsungan perniagaan serta kelangsungan kehidupan rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Pada masa yang sama sumbangan e-dagang dijangka meningkat semasa tempoh PKP.

| G. | Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Lebih 10 peratus penyewa gagal lunas sewa rumah**<br><br>SPEEDHOME mendedahkan lebih daripada 10 peratus penyewa membayar sewa rumah ekoran pekerjaan serta pendapatan yang terjejas dengan impak COVID-19.<br><br>SPEEDHOME dan KYY Home berganding bahu menyalurkan bantuan melalui Pakej Bantuan | https://www.bharian.com.my/bisnes/hartanah/2020/04/678288/lebih-10-peratus-penyewa-gagal-lunas-sewa-rumah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Sewaan sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat bagi meringankan beban kewangan penyewa Malaysia yang terjejas pendapatan mereka berikutan pandemik Covid-19. | |
| 2. | **The Star** | **Fuel prices April 18-24: RON97, RON95 unchanged, diesel down three sen**<br><br>The price of diesel will drop by three sen while petrol prices will remain the same between April 18 and April 24. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/17/fuel-prices-april-18-24-ron97-ron95-unchanged-diesel-down-three-sen |
| 3. | **Harian Metro** | **Tingkat pemantauan harga barang keperluan**<br><br>Pemantauan harga barang keperluan terutama ayam, daging, telur dan ikan selain sayur yang menjadi tumpuan pengguna oleh KPDNHEP di Negeri Pahang dipertingkatkan . | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/567811/tingkat-pemantauan-harga-barang-keperluan |

Penemuan penting & isu:

1. Antara inisiatif bagi meringankan beban penyewa rumah adalah sewa percuma selama dua bulan kepada penyewa.
2. Harga bahan api Diesel turun RM0.30 dari RM1.46 kepada RM1.43. Manakala RON95 dan RON97 kekal pada harga RM1.25 dan RM1.55 bermula 18 April hingga 24 April 2020.
3. Pemantauan harga bagi item ayam, daging, telur, ikan dan sayur itu telah membabitkan pemeriksaan di 43 pasar awam diikuti 98 pasar raya, 1,357 kedai runcit dan 178 kedai serbaneka di seluruh Pahang. 29 Farmasi turut terlibat dalam pemantauan harga ini.

| Maklumbalas Bahagian: | | | |
|---|---|---|---|
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Bahagian mengambil maklum kemungkinan penurunan kadar sewa rumah berikutan pendapatan isi rumah yang terjejas. Sehubungan itu, Bahagian akan melihat sekiranya perubahan ini akan memberi kesan kepada IHP April 2020 bagi kumpulan 04-Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain. Kaedah kutipan harga sewa rumah IHP April 2020 dicadangkan dikutip secara panggilan telefon oleh DOSM Negeri bagi 10% sampel tempat kediaman mengikut jenis tempat kediaman.<br>2. Perubahan harga minyak mentah dunia akan memberi kesan kepada IHP April 2020 bagi kumpulan 07-Pengangkutan dan secara keseluruhan turut memberi kesan kepada inflasi Malaysia.<br>3. Bahagian mengambil makluman berkenaan dengan pemantauan harga barangan basah sepanjang PKP Fasa 3 dijangka akan memberikan kesan kepada IHP April 2020 terutamanya bagi kumpulan 01-Makanan dan minuman bukan alkohol dan turut memberi kesan kepada inflasi Malaysia. | | | |
| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **COVID-19: Kes babitkan pelajar tahfiz semakin meningkat**<br><br>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati kes membabitkan pelajar tahfiz semakin meningkat apabila bilangan positif COVID-19 kini seramai 250 berbanding semalam. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata setakat ini, pihaknya sudah mengesan seramai 9,842 pelajar tahfiz dari lebih 304 madrasah tahfiz di seluruh negara. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678004/covid-19-kes-babitkan-pelajar-tahfiz-semakin-meningkat |
| 2. | **Berita Harian** | **COVID-19: 354 rakyat Malaysia terkandas di Turki tiba pagi esok**<br><br>Seramai 354 rakyat Malaysia yang terkandas di Turki, dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677988/covid-19-354-rakyat-malaysia-terkandas-di-turki-tiba-pagi-esok |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Lumpur (KLIA) pada jam 10.20 pagi esok.<br>Timbalan Menteri Luar, Datuk Kamarudin Jaffar, berkata kumpulan itu terdiri daripada pelancong dan pelawat jangka pendek, selain mereka yang terjejas berikutan sekatan dikenakan pihak berkuasa Turki bagi mengawal penularan COVID-19. | |
| 3. | **Berita Harian** | **COVID-19: Selangor catat penurunan jangkitan hari kedua**<br>Selangor mencatatkan penurunan kes jangkitan baharu COVID-19 dalam tempoh 24 jam, apabila hanya 13 kes baharu direkodkan sehingga jam 12 tengah hari ini. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678048/covid-19-selangor-catat-penurunan-jangkitan-hari-kedua |
| 4. | **Harian Metro** | **15 pelajar Pondok Pasir Tumboh dikuarantin**<br><br>Seramai 15 pelajar Pondok Pasir Tumboh, Kota Bharu, dihantar ke Pusat Kuarantin Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh susulan mempunyai gejala penyakit Covid-19. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/567761/15-pelajar-pondok-pasir-tumboh-dikuarantin |
| 5. | **Harian Metro** | **31 stesen kuarantin beroperasi**<br><br>Jabatan Kesihatan Negeri Johor melaporkan penambahan sebanyak 13 kes baharu Covid-19 yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 614 kes sehingga semalam. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/567638/31-stesen-kuarantin-beroperasi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **Berita Harian** | **COVID-19: Mercy Malaysia lancar 'Rayuan Ramadan' bantu golongan memerlukan**<br><br>Mercy Malaysia melancarkan 'Rayuan Ramadan' untuk mengumpul dana bagi membantu masyarakat serta keluarga yang bakal menghadapi Ramadan yang suram, tahun ini, ekoran wabak COVID-19. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1833079 |

Penemuan penting & isu:

1. Ujian Covid-19 dilaksanakan terhadap pelajar tahfiz yang masih berada di madrasah atau sekolah masing-masing. Seramai 2,697 pelajar yang disaring dan daripada itu 250 atau 9.3 peratus didapati positif.
2. Kerajaan Turki telah memberi kelulusan untuk satu penerbangan khas dari Malaysia mendarat di Lapangan Terbang Istanbul bagi membawa pulang kumpulan rakyat Malaysia terbabit.
3. Selangor mencatatkan hanya 13 kes baharu manakala jumlah kes terkumpul pula setakat ini adalah 1,329 kes. Kes sembuh pula melebihi kes baharu.
4. Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan Datuk Dr Zaini Hussin berkata, mereka dikesan menghidap simptom antaranya, batuk dan susu badan tinggi ketika menjalani ujian saringan yang dilakukan Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu. Saringan berfokus itu susulan arahan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam mengenal pasti kelompok berisiko dijangkiti Covid-19 dalam kalangan penghuni pondok dan pelajar tahfiz.
5. Johor mencatatkan penambahan sebanyak 13 kes baharu Covid-19 yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 614 kes. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, menyatakan sehingga semalam, jumlah kes kematian yang direkodkan di negeri ini adalah sebanyak 15 orang, selain tiada kes kematian baru direkodkan.
6. Bank Negara Malaysia (BNM) meramalkan kenaikan kadar pengangguran kepada 4.0 peratus tahun ini, berbanding 3.3 peratus pada 2019. Kajian Khas Kesan COVID-19 Terhadap Individu dan Ekonomi diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 9 April mendapati 168,182 responden mengakui kehilangan pekerjaan kesan wabak itu.
7. Mercy Malaysia telah mengedarkan hampir 15,000 bungkusan makanan kepada keluarga yang memerlukan di seluruh negara termasuk dari kampung di luar bandar di Kelantan dan Sabah serta penduduk miskin di Lembah Klang. Menjelang Ramadan minggu hadapan, Mercy Malaysia akan memulakan pengedaran bungkusan makanan mereka esok, bermula dengan tujuh lokasi di seluruh negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bilangan kes positif terus meningkat ekoran dari sikap individu yang bergejala tidak kuarantin diri dengan baik. Setiap individu perlu mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap kesihatan diri dan bertanggungjawab juga terhadap keselamatan orang ramai yang berada disekitarnya.Sekiranya sikap ini ada maka Malaysia akan dapat dengan segera memutuskan rantaian penularan COVID-19.
2. Seramai 354 rakyat Malaysia yang terkandas di Turki, dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 10.20 pagi esok Kemasukan rakyat Malaysia itu terdiri daripada pelancong dan pelawat jangka pendek, selain mereka yang terjejas berikutan sekatan dikenakan pihak berkuasa Turki bagi mengawal penularan COVID-19. Jabatan akan memastikan bilangan rakyat Malaysia ke Luar Negara dapat dikumpul dengan baik. Data ini akan diperoleh melalui Jabatan Imigresen Malaysia.
3. Penurunan kes positid covid-19 di Selangor adalah ekorandari tahap pematuhan pada pelaksanaan PKP. Jika perkembangan baik ini berterusan di seluruh Malaysia, maka Malaysia pasti akan berjaya memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19 dan akan kembali bangkit membangunkan ekonomi Malaysia.
4. Pertambahan pusat kuarantin akan menyebabkan konsep tempat kediaman biasa sukar difahami oleh pembanci semasa operasi banci 2020 dijalankan. Contoh seperti Hospital pesakit kusta yang telah ditutup tetapi kini dijadikan pusat kuarantin pesakit positif COVID-19.
5. Bahagian juga sentiasa mengambil maklum dan memantau bilangan kematian disebabkan COVID-19. Analisa mengenai bilangan kematian serta ciri-ciri demografi seperti jantina, kumpulan umur dan negeri akan dijadikan input bagi penyediaan penerbitan Perangkaan kematian dan Sebab Kematian yang akan diterbitkan oleh Bahagian. Data yang diterbitkan seperti kadar kematian mengikut sebab kematian, negeri dan mengikut daerah pentadbiran.
6. Sekiranya PKP dilanjutkan dalam tempoh masa yang lama maka pendapatan bagi setiap Isi Rumah akan terjejas dan akan memberi kesan pada data yang akan dikutip semasa Banci 2020. Soalan berkaitan pekerjaan telah di masukkan dalam Soal Selidik Banci 2020 bagi mengutip jumlah sebenar Penduduk yang bekerja dan Penduduk yang terjejas akibat COVID-19.
7. Soalan mengenai pendapatan Isi Rumah akan ditanya semasa operasi Banci 2020, Ianya bertujuan bagi menumpul Kawasan serta penduduk yang yang perlu mendapat bantuan keperluan makanan. Bahagian juga akan menganalisa ciri-ciri demografi penduduk dan kawasan tersebut.

| I. | Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Pelbagaikan ekonomi serap lebihan tenaga kerja**<br><br>Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menganggarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan menjejaskan 2.4 juta pekerjaan atau 15.7 peratus jumlah pekerjaan. Bank Negara Malaysia (BNM) pula meramalkan kenaikan kadar pengangguran kepada 4.0 peratus tahun ini, berbanding 3.3 peratus pada 2019.<br><br>Tedapat ramalan kesan COVID-19 akan lebih berpanjangan dan tidak terhad ketika tempoh PKP akan mengakibatkan gangguan teruk dalam rantaian ekonomi.<br><br>Justeru, pasaran buruh akan terus terkesan dengan lebihan pekerja di sesetengah sektor akibat aktiviti ekonomi yang terjejas. Bukan sahaja pekerja diberhentikan dan menganggur, tetapi juga terpaksa mengambil cuti tanpa gaji, dikurangkan jam bekerja dan dipotong gaji serta golongan bekerja sendiri yang tiba-tiba hilang mata pencarian.<br><br>Lebihan tenaga kerja perlu disalurkan ke sektor yang mengalami kenaikan permintaan pekerja secara mendadak. Dasar pasaran buruh aktif juga perlu | https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/678148/pelbagaikan-ekonomi-serap-lebihan-tenaga-kerja |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dilancarkan bagi mengatasi ketidaksepadanan kemahiran pekerja di sektor asal ke sektor baharu.<br><br>Sektor pendidikan pula perlu lebih bersedia menjalankan pengajaran dan pembelajaran melalui secara maya. Lebihan tenaga kerja boleh disalurkan ke sektor penting ini | |
| 2. | **The Star** | **Online trading for Ramadan**<br><br>The Seberang Prai City Council (MBSP) has launched its 'Portal e-Bazar Ramadan' (e-Bazaar Ramadan online portal) to serve as a one-stop platform to support Ramadan bazaar traders conduct their businesses online during the movement control order (MCO).<br><br>Customers may browse the directory to be redirected to a particular trader's website. There are also links to enable customers to directly contact the traders, especially those unfamiliar with dealing via the online platform. The food will then be delivered to customers. | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2020/04/17/online-trading-for-ramadan |
| 3. | **Berita Harian** | **PKP: Selangor mahu teruskan e-bazar Ramadan**<br><br>Kerajaan Selangor akan meneruskan konsep jual beli secara e-bazar sepanjang Ramadan ini, dengan memastikan penjarakkan sosial dilakukan dalam pelbagai keadaan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678208/pkp-selangor-mahu-teruskan-e-bazar-ramadan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Konsep e-bazar tidak akan membenarkan pembelian secara terus (*walk in*) sebaliknya dapur berpusat disediakan untuk pengumpulan (juadah), manakala pengambilan dan penghantaran akan dilakukan syarikat *e-hailing.* | |
| 4. | **Harian Metro** | **Fama, Pertubuhan Peladang beli hasil pertanian**<br><br>Pertubuhan Peladang Sarawak dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu mengumpulkan hasil pertanian dan kemudian membawanya ke pasar bagi memastikan bekalan makanan berterusan dalam tempoh penguat kuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Pertubuhan Peladang Sarawak sudah membeli sejumlah 13,462 kilogram (kg) sayur dan 88,182 kg buah daripada petani sejak 6 April hingga 16 April. Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta kepada Pertubuhan Peladang Sarawak untuk membeli hasil pertanian di seluruh negeri.<br><br>Bagi membantu nelayan pula, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM600,000 kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/567805/fama-pertubuhan-peladang-beli-hasil-pertanian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | (LKIM) untuk membeli hasil tangkapan mereka. | |

Penemuan penting & isu:

1. Pelaksanaan PKP dijangka akan menjejaskan 2.4 juta pekerjaan dan kadar pengangguran diramal akan meningkat kepada 4.0 peratus pada tahun ini. Lebihan tenaga kerja di sesetengah sektor akibat aktiviti ekonomi yang terjejas perlu disalurkan ke sektor yang mengalami kenaikan permintaan pekerja secara mendadak.
2. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melancarkan 'Portal e-Bazar Ramadan' yang berfungsi sebagai platform sehenti untuk menyokong peniaga Bazar Ramadan menjalankan perniagaan mereka secara dalam talian.
3. Kerajaan Negeri Sarawak memperuntukkan RM1.5 juta membeli hasil pertanian daripada petani melalui FAMA dan Pertubuhan Peladang Sarawak dengan mengumpulkan dan memasarkan hasil pertanian bagi memastikan bekalan makanan berterusan dalam tempoh penguat kuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerajaan negeri turut memperuntukkan sebanyak RM600,000 kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk membeli hasil tangkapan daripada nelayan.
4. Kerajaan Selangor memutuskan untuk meneruskan konsep jual beli secara e-bazar sepanjang Ramadan ini dengan tempahan secara dalam talian dan penghantaran akan dilakukan oleh syarikat *e-hailing*.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pertambahan penduduk bekerja di dalam aktiviti tertentu seperti perkhidmatan penghantaran barangan atau makanan dijangka akan berlaku ekoran daripada kenaikan permintaan pekerja secara mendadak di dalam aktiviti berkenaan.
2. Bahagian menjangkakan kadar pengangguran akan meningkat pada suku pertama dan kedua 2020 berbanding 3.2 peratus pada suku keempat 2019, kesan daripada penularan covid-19 yang mengakibatkan gangguan teruk dalam rantaian ekonomi.
3. Gaji dan upah yang diterima oleh pekerja swasta dijangka akan terjejas susulan daripada pekerja yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji, dikurangkan jam bekerja dan dipotong gaji.
4. Petani dan nelayan di Sarawak dapat mengekalkan sumber pendapatan mereka di mana kerajaan negeri mengambil langkah membeli dan memasarkan hasil pertanian dan tangkapan ikan bermula 6 April 2020.
5. Kerajaan negeri Pulau Pinang dan Selangor memutuskan untuk melaksanakan konsep e-bazar sepanjang Ramadan bagi membantu peniaga kecil menjana pendapatan secara dalam talian.

| J. | Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **AgroPrihatin beri manfaat kepada kira-kira 27,800 petani di Perak sepanjang PKP**<br><br>Skim Agro Prihatin Negeri Perak (AgroPrihatin) oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) dilihat sebagai langkah bijak kerana menerusi program ini hasil petani yang tidak terjual akan dibelinya. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1832648 |
| 2. | **Sinar Harian** | **Petani disaran sertai Program Ladang Kontrak**<br><br>Petani yang menghadapi kesukaran memasarkan hasil tani disaran mendaftar di bawah Program Ladang Kontrak bagi mengelak berlakunya lambakan sayur-sayuran khususnya sepanjang PKP. | https://www.sinarharian.com.my/article/79237/EDISI/Utara/Petani-disaran-sertai-Program-Ladang-Kontrak |
| 3. | **Berita Harian** | **Padi dijangka ditanam sekali sahaja tahun ini**<br><br>Musim penanaman padi di negeri Kedah berkemungkinan hanya dapat dilakukan sekali sahaja pada tahun ini berikutan pesawah berhadapan pelbagai masalah meruncing. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/677892/padi-dijangka-ditanam-sekali-sahaja-tahun-ini |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian** | **COVID-19: CAP gesa wujud lorong hijau**<br><br>Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berharap Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat bertindak dengan lebih cekap dan berkesan bagi menangani lambakan sayuran. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678153/covid-19-cap-gesa-wujud-lorong-hijau |
| 5. | **The Star** | **Door-to-door sale of fish allowed**<br><br>The Malaysian Fisheries Development Board (LKIM) has introduced the door-to-door sale of fish to homes via a nationwide cash-on-delivery service. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/17/door-to-door-sale-of-fish-allowed |

Penemuan penting & isu:

1. Menerusi AgroPrihatin, pihak PPPNP akan membeli hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah buahan yang tidak terjual daripada petani berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Perak, FAMA Negeri Perak serta PPPNP
   - i. Baki hasil yang pemborong tidak beli dan petani tidak dapat pasarkan akan dibeli pihak PPPNP. Melalui mekanisma ini, maka tiada isu hasil pertanian tidak terjual sehingga terpaksa dibuang.
   - ii. PPPNP memperuntukkan dana berjumlah RM1 juta bagi membeli hasil-hasil pertanian terutama sayur-sayuran dan buah-buahan secara tunai untuk membantu kecairan modal petani sepanjang pelaksanaan PKP
   - iii. Pihak PPPNP akan membuat pemeriksaan ke kawasan pertanian setiap petani untuk memastikan mereka yang menjual hasil adalah benar-benar petani dan bukannya pemborong.
   - iv. Sejak skim AgroPrihatin dilancarkan PPPNP telah membeli hasil ternakan termasuk 340 kilogram (kg) daging kambing, 1.6 tan ayam kampung dan ikan siakap sebanyak 450kg.
   - v. Hasil belian PPPNP dijual kepada rakan-rakan strategik antaranya KLK Berhad, dijual di pasar raya serta disalurkan kepada pengendali 'Central Kitchen' yang menyediakan makanan kepada petugas barisan hadapan.

2. Usahawan tani dapat menjual hasil pertanian secara terus kepada FAMA melalui konsep Ladang Kontrak sekali gus memastikan bekalan hasil tani mencukupi untuk pengguna.
    i. Petani dimohon untuk mendaftarkan diri bawah Program Ladang Kontrak bagi tujuan keuntungan dalam jangka panjang.
    ii. Pengurusan Pasar Segar Terkawal, contohnya PTK Guar Chempedak berjaya menyelesaikan lambakan sayur kerana didapati lebih 36 petani di daerah Yan mendaftar sebagai peserta ladang kontrak.
    iii. Petani juga diberikan bantuan khidmat nasihat teknikal dan pengurusan ladang lebih baik dan sistematik daripada agensi dan jabatan serta berpeluang hadiri kursus dan latihan dalam meningkatkan motivasi serta pengetahuan dalam bidang pertanian serta pelbagai faedah lain.
3. Berdasarkan maklumbalas pengusaha padi Negeri Kedah;
    i. Akibat kemarau musim lalu, hasil tanaman padi merudum apabila hanya mampu meraih kira-kira RM14,000 daripada sawah seluas 4.9 hektar. Kira-kira 0.5 hektar sawah tidak dapat mengeluarkan hasil akibat petak sawah menjadi kering kerana kekurangan air dan ketiadaan hujan sejak November - Pesawah, Khairul Amir, Kampung Gelong Rambai, Tunjang.
    ii. Pesawah masih boleh ke sawah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, namun banyak perkara tidak dapat dilakukan kerana tidak boleh keluar membeli minyak atau mencari benih secara bebas. Malah tiada traktor berada di kawasan sawah dan kebanyakan petak belum dibajak - Pesawah, Yaakob Shaaban, Kampung Padang Limau.
    iii. Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) dalam usaha membantu pesawah terjejas termasuk memastikan sistem pengairan mencukupi bagi kegunaan di semua kawasan tanaman.
4. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berharap FAMA dapat bertindak dengan lebih cekap dan berkesan bagi menangani lambakan sayuran dan memainkan peranan dalam mengatur dan menyelaraskan pengangkutan kepada petani bagi membantu mereka memasarkan kepada pengguna.
    i. Kerajaan Malaysia juga perlu segera melaksanakan 'Lorong Hijau' di seluruh negara supaya FAMA dapat membantu petani bagi menghantar hasil mereka ke destinasi masing-masing dengan sekatan minimum.
    ii. Negara EU yang terdiri daripada 27 negara telah mempunyai Lorong Hijau bagi mengangkut barang keperluan seperti makanan, peralatan perubatan serta pelindung, dan bahan pembungkusan barang keperluan sejak Mac lalu.
5. Based on the media statement:
    i. The initiative was the result of a collaboration with 44 fishermen's associations throughout the country under the National Fishermen's Association (Nekmat).

| | |
|---|---|
| | ii. The public who are interested can place their orders for fish online through www.nekmatbiz.com.my. The initiative to market fish directly to the consumers will hopefully reduce congestion in the markets and curb the spread of Covid-19.<br>iii. LKIM will also be selling fish online through the Shopee application and consumers will no longer need to go to the market to get their supply. There was a sufficient supply of fish during the MCO with 185,000 metric tonnes of stock in the market now compared with the monthly 155,000 metric tonnes.<br>iv. During the MCO period, the 64 LKIM fishermen's markets throughout the country are still operating as usual within the standard operating procedure set by the National Security Council and the Health Ministry. |

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi komoditi agromakanan terpilih (36 jenis item) diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Item buah-buahan, sayur-syuran, perikanan dan ternakan merupakan item yang diliputi. Kecukupan bekalan makanan kepada penduduk berbanding pengeluaran bagi 36 jenis item juga boleh dilihat berdasarkan indikator SSR yang diterbitkan dalam SUA.
2. BPPAS mengambil maklum bahawa pada 2020 ini akan berlaku penurunan dalam pengeluaran padi di Malaysia kerana pengumuman penanaman padi hanya sekali pada tahun ini di Kedah. Dijangka SSL beras pada 2020 juga akan menurun. SSL beras ini disediakan oleh MOA.
3. Usaha LKIM mengadakan jualan dari pintu ke pintu merupakan inisiatif yang baik dan ini akan memastikan tiada lambakan ikan di pasaran tanpa pembeli. Berdasarkan usaha ini, BPPAS mengambil maklum tentang kesannya kepada variabel *waste* bagi item perikanan di dalam penyusunan SUA pada 2020.

| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market** | **SOCSO to announce employer application for wage subsidy beginning today**<br><br>Social Security Organisation (Socso) will be announcing the weekly status of applications submitted by employers under the Wage Subsidy Scheme via video recording. | https://www.theedgemarkets.com/article/socso-announce-employer-application-wage-subsidy-beginning-today |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | On March 28, employers are required to file claims for their employees to benefit from the Wage Subsidy Programme, provided under the People-Centric Economic Stimulus Package (PRIHATIN) 2020.<br><br>Employers are not allowed to lay off their workers, deduct their salaries or force them to take unpaid leave for three months after the programme is implemented.<br><br>Employers can also apply online at prihatin,perkeso.gov.my or visit any Socso office to submit forms after the Movement Control Order (MCO) has ended. The closing date for the subsidy application is Sept 15. | |
| 2. | **Berita Harian** | **Sabah hadkan waktu operasi syarikat telko, kurier**<br><br>Kerajaan Sabah mengehadkan waktu operasi pusat khidmat syarikat telekomunikasi dan pos serta kurier sepanjang tempoh PKP.<br><br>Pusat khidmat syarikat telekomunikasi dibenarkan beroperasi tiga hari seminggu - Isnin, Rabu dan Jumaat bermula jam 9 pagi hingga 2 petang. Sementara itu, syarikat pos dan kurier beroperasi setiap hari bermula jam 6 pagi hingga 6 petang. Kerajaan negeri turut memutuskan kargo di | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/678145/sabah-hadkan-waktu-operasi-syarikat-telko-kurier |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pelabuhan Sabah memiliki pelepasan ketika pelaksanaan PKP. Kedai pajak gadai tidak dibenarkan beroperasi berikutan tidak tersenarai sebagai “*essential services*”. | |

Penemuan penting & isu:

1. Status permohonan oleh majikan bagi Program Subsidi Upah akan diumumkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui rakaman video secara mingguan. Majikan tidak dibenarkan memberhentikan pekerja, megurangkan gaji atau memaksa pekerja mengambil cuti tanpa gaji selama tiga bulan selepas program ini dilaksanakan.
2. Kerajaan Sabah mengehadkan waktu operasi pusat khidmat syarikat telekomunikasi dan pos serta kurier sepanjang tempoh PKP. Pusat khidmat syarikat telekomunikasi dibenarkan beroperasi tiga hari seminggu iaitu Isnin, Rabu dan Jumaat bermula 9 pagi hingga 2 petang. Syarikat pos dan kurier dibenarkan beroperasi setiap hari bermula jam 6 pagi hingga 6 petang. Kargo di pelabuhan Sabah turut memiliki pelepasan ketika pelaksanaan PKP namun kedai pajak gadai tidak dibenarkan beroperasi berikutan tidak tersenarai sebagai “*essential services*”.

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi sektor swasta mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST4 2019:
   i) Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dengan 4.4 juta (52.5%) daripada 8.5 juta jumlah jawatan diisi.
   ii) Komposisi terbesar pekerja mengikut kemahiran di sektor Perkhidmatan (4.4 juta jawatan diisi) adalah kategori separuh mahir (46.9%), diikuti mahir (33.0%) dan berkemahiran rendah (20.1%).
2. Berikut adalah kategori pekerjaan berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013:

| Bil | Pekerjaan | Kategori |
|---|---|---|
| 1 | Pengurus | Mahir |
| 2 | Profesional | |
| 3 | Juruteknik dan Profesional Bersekutu | |
| 4 | Pekerja Sokongan Perkeranian | Separuh Mahir |
| 5 | Pekerja Perkhidmatan dan Jualan | |
| 6 | Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan | |
| 7 | Pekerja Kemahiran dan Pekerja Petukangan yang berkaitan | |

| | | |
|---|---|---|
| 8 | Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang | |
| 9 | Pekerja Asas | Berkemahiran rendah |

3. Statistik pekerja bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut*:

i) Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
ii) Perdagangan borong dan runcit: 2,514 ribu orang (16.5%)
iii) Perkhidmatan lain: 2,614 ribu orang (17.1%)
iv) Makanan & minuman dan penginapan: 1,694 ribu orang (11.1%)

4. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

| **Aktiviti ekonomi** | **Produktiviti buruh mengikut jam bekerja** | | **Produktiviti buruh mengikut pekerja** | |
|---|---|---|---|---|
| | **Nilai (RM)** | **Perubahan Peratusan Tahunan (%)** | **Nilai (RM)** | **Perubahan Peratusan Tahunan (%)** |
| Pengangkutan dan penyimpanan | 41.3 | 4.6 | 25,444 | 4.1 |
| Perdagangan borong dan runcit | 42.9 | 3.2 | 25,999 | 3.0 |
| Perkhidmatan lain | 36.5 | 2.2 | 19,392 | 3.7 |
| Makanan & minuman dan penginapan | 13.6 | 2.9 | 7,977 | 2.3 |

*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan

## Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




## Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negara



CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide **2,160,239**

Jumlah kematian keseluruhan: Total deaths: Dunia / Worldwide **145,595** (6.74%)

Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Dunia / Worldwide **550,197** (25.47%)

Negara yang terlibat: No. of countries involved: **184**

Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Malaysia **2,967** (56.50%)

| Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* | Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* | Negara *Country* | Bil. kes *No. of cases* | Bil. kematian *No. of deaths* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Amerika Syarikat | 671,425 | 33,286 | Singapura | 4,427 | 10 | Ivory Coast | 688 | 6 |
| Sepanyol | 184,948 | 19,315 | Belarus | 4,204 | 40 | Andorra | 682 | 33 |
| Itali | 168,941 | 22,170 | Qatar | 4,103 | 7 | Latvia | 682 | 5 |
| Perancis | 147,091 | 17,941 | Panama | 4,016 | 109 | Lubnan | 663 | 21 |
| Jerman | 137,698 | 4,052 | Republik Dominika | 3,755 | 196 | Costa Rica | 642 | 4 |
| United Kingdom | 104,148 | 13,759 | Luxembourg | 3,444 | 69 | Ghana | 641 | 8 |
| China | 83,756 | 4,636 | Finland | 3,369 | 75 | Niger | 609 | 15 |
| Iran | 77,995 | 4,869 | Colombia | 3,233 | 144 | Djibouti | 591 | 2 |
| Turki | 74,193 | 1,643 | Thailand | 2,700 | 47 | Burkina Faso | 546 | 32 |
| Belgium | 34,809 | 4,857 | Mesir | 2,673 | 196 | Albania | 518 | 26 |
| Kanada | 30,973 | 1,231 | Argentina | 2,669 | 122 | Uruguay | 502 | 9 |
| Brazil | 30,891 | 1,952 | Afrika Selatan | 2,605 | 48 | Kyrgyzstan | 489 | 5 |
| Belanda | 29,383 | 3,327 | Maghribi | 2,283 | 130 | Bolivia | 465 | 31 |
| Rusia | 27,938 | 232 | Algeria | 2,268 | 348 | Kosovo | 449 | 11 |
| Switzerland | 26,732 | 1,281 | Yunani | 2,207 | 105 | Honduras | 442 | 41 |
| Portugal | 18,841 | 629 | Moldova | 2,154 | 54 | Nigeria | 442 | 13 |
| Austria | 14,476 | 410 | Croatia | 1,791 | 35 | Guinea | 438 | 1 |
| India | 13,495 | 448 | Hungary | 1,763 | 156 | San Marino | 426 | 38 |
| Ireland | 13,271 | 486 | Iceland | 1,739 | 8 | Malta | 412 | 3 |
| Israel | 12,855 | 148 | Bahrain | 1,700 | 7 | Jordan | 402 | 7 |
| Sweden | 12,540 | 1,333 | Bangladesh | 1,572 | 60 | Taiwan | 395 | 6 |
| Peru | 12,491 | 274 | Kuwait | 1,524 | 3 | Palestin | 374 | 2 |
| Korea Selatan | 10,635 | 230 | Kazakhstan | 1,470 | 17 | Georgia | 370 | 3 |
| Jepun | 9,231 | 190 | Estonia | 1,434 | 36 | Senegal | 335 | 2 |
| Chile | 8,807 | 105 | Iraq | 1,434 | 80 | Mauritius | 324 | 9 |
| Ecuador | 8,225 | 403 | New Zealand | 1,409 | 11 | Montenegro | 303 | 4 |
| Poland | 7,918 | 314 | Uzbekistan | 1,380 | 4 | Vietnam | 268 | 0 |
| Romania | 7,707 | 400 | Azerbaijan | 1,283 | 15 | Congo (Kinshasa) | 267 | 22 |
| Denmark | 7,074 | 321 | Slovenia | 1,268 | 61 | Sri Lanka | 238 | 7 |
| Pakistan | 7,025 | 135 | Armenia | 1,201 | 19 | Kenya | 234 | 11 |
| Norway | 6,905 | 152 | Bosnia Herzegovina | 1,167 | 43 | Guatemala | 214 | 7 |
| Australia | 6,521 | 66 | Lithuania | 1,149 | 32 | Venezuela | 204 | 9 |
| Czechia | 6,437 | 170 | Makedonia Utara | 1,081 | 46 | Paraguay | 199 | 8 |
| Arab Saudi | 6,380 | 83 | Oman | 1,019 | 5 | El Salvador | 177 | 7 |
| Mexico | 6,297 | 486 | Cameroon | 996 | 22 | Mali | 171 | 13 |
| UAE | 5,825 | 35 | Slovakia | 977 | 8 | Jamaica | 143 | 5 |
| Filipina | 5,660 | 362 | Afghanistan | 906 | 30 | Rwanda | 138 | 0 |
| Indonesia | 5,516 | 496 | Cuba | 862 | 27 | Brunei | 136 | 1 |
| Serbia | 5,318 | 103 | Bulgaria | 825 | 40 | Kemboja | 122 | 0 |
| Malaysia | 5,251 | 86 | Tunisia | 822 | 37 | Lain-lain/ *Others* (Kapal persiaran) | 712 | 13 |
| Ukraine | 4,662 | 125 | Cyprus | 735 | 12 | | | |

(Dikemaskini pada 17 April 2020) *(Updated at 17 April 2020)*

Bilangan negara di bawah 120 kes:
Countries with 120 cases and below:

| (1-20) | (21-40) | (41-60) | (61-80) | (81-100) | (101-120) |
|---|---|---|---|---|---|
| 31 | 10 | 10 | 3 | 6 | 3 |

*Sumber: CPRC Kebangsaan dan WHO* UKK MOH